

Fenomena Global Netflix “KPop Demon Hunters” POP-UP Membuat Kemunculan di Genting SkyWorlds Studio Plaza Februari Ini

Fenomena global ‘Kpop Demon Hunters’ POP-UP akhirnya tiba di Malaysia! Bersedia untuk pengalaman eksklusif di Genting SkyWorlds Studio Plaza pada Februari ini, dengan koleksi barangan rasmi yang mesti dimiliki setiap peminat sejati.

Genting Highlands, 26 Februari 2026 – Fenomena global Netflix, “Kpop Demon Hunters” POP-UP kini menjejaskan kaki di Malaysia dengan penganjuran eksklusif di Genting SkyWorlds Studio Plaza pada Februari ini.

Dengan kerjasama Netflix dan dikendalikan oleh bemyfriends, kedai pop-up ini mengalu-alukan peminat menyelami dunia “Kpop Demon Hunters”, termasuk kelab fandom global rasmi “HUNTR/X” dan “Saja Boys”, untuk pengalaman interaktif yang tidak boleh dilepaskan.

Kedai POP-UP “Kpop Demon Hunters” akan berlangsung di Genting SkyWorlds Plaza, Resorts World Genting (69000 Genting Highlands, Pahang Darul Makmur, Malaysia) dari 20 Februari hingga 15 Mac 2026. Selepas penganjuran eksklusif di Genting Highlands, kedai POP-UP ini akan diteruskan ke beberapa destinasi utama lain di Asia.

Pengunjung kedai POP-UP Genting Highlands berpeluang mendapatkan pelbagai barangan rasmi eksklusif yang dikurasi khas, termasuk pakaian, aksesori, alat tulis, pelekat koleksi, loket kunci, cenderamata, serta beg dan pouch. Koleksi istimewa turut memaparkan watak Derpy dan Sussie, serta karakter popular lain daripada filem, menjadikannya pengalaman wajib bagi setiap peminat.

Kedai POP-UP ini beroperasi setiap hari dari jam 10:00 pagi hingga 10:00 malam, menawarkan pengalaman membeli-belah unik yang menggabungkan barangan eksklusif dengan dunia interaktif. Pengunjung boleh meneroka rak barangan kurasi khas, menyaksikan pameran eksklusif koleksi terpilih, bergambar di zon foto bertema dengan latar menarik dan figura karakter, serta meneroka ruang khas yang menampilkan jenama dan elemen visual memukau.

Untuk perkembangan terkini, peminat digalakkan melayari Fandom Rasmi di kpopdemonhunters.fan, mengikuti akaun rasmi X (@KPDH_popup), atau kunjungi rwgenting.com untuk maklumat dan tawaran menarik.

“KPop Demon Hunters” POP-UP Rasmi – Malaysia (Genting Highlands)

Tarikh : 20 Februari 2026 – 15 Mac 2026
Tempat : Genting SkyWorlds Studio Plaza, Resorts World Genting
Alamat : 69000 Genting Highlands, Pahang Darul Makmur, Malaysia
Waktu Operasi: 10:00 pagi hingga 10:00 malam

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public
Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.